

# Kolonialisme Di Tanah Melayu : Pembentukan Masyarakat Majmuk

*Mas Juliana Mukhtaruddin*

Malaysia pada hari ini adalah sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat pelbagai bangsa yang hidup dalam suasana harmonis dan aman damai. Ini adalah hasil daripada sikap tolak ansur dan kerjasama antara kaum yang wujud semenjak British memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu sehingga ke hari ini. Pada dasarnya, orang Melayu, Cina dan India adalah tiga kumpulan bangsa utama di Malaysia diikuti dengan beberapa kumpulan kaum minoriti yang lain antaranya Orang Asli, Serani dan Benggali. Sejarah membuktikan masyarakat Melayu telah lama mempunyai hubungan dengan kaum Cina dan India sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Pada masa itu Melaka adalah pusat perdagangan utama serta jalan perhubungan antara negeri China dan India di Asia Tenggara (Chowdhury, 1997). Keadaan ini membolehkan masyarakat Melayu di Melaka berinteraksi dengan berbagai masyarakat antarabangsa yang datang bagi melakukan aktiviti perdagangan.

Perhubungan antara kaum ini menjadi semakin ketara di zaman penjajahan Inggeris. Penjajah Inggeris memindahkan imigran-imigran luar terutamanya dari negara China dan India untuk bekerja di Tanah Melayu. Kemasukan buruh asing tersebut adalah satu agenda ekonomi Inggeris bagi mengusahakan lombong-lombong bijih timah dan ladang-ladang getah. Keadaan ini dapatlah disifatkan sebagai pengeksploitasian yang dilakukan oleh penjajah Inggeris terhadap tenaga buruh asing serta sumber bumi di Tanah Melayu demi keuntungan revolusi perindustrian Eropah. Selain daripada kemasukan masyarakat Cina dan India, turut berlaku penghijrahan penduduk Indonesia ke Tanah Melayu. Situasi ini mengubah corak populasi di Tanah Melayu daripada sebuah negara yang didiami oleh masyarakat Melayu kepada pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia. Bagi memahami persoalan ini dengan lebih lanjut, penulisan ini akan membicarakan berkenaan beberapa

aspek seperti kefahaman terhadap masyarakat majmuk, proses terbentuknya masyarakat majmuk di Malaysia kesan perpindahan masyarakat dari luar.

## **Masyarakat Majmuk**

Terdapat berbagai definisi bagi menerangkan maksud konsep masyarakat majmuk. Menurut kamus Oxford, Sosiologi (1998) istilah masyarakat majmuk dapat ditafsirkan sebagai beberapa buah masyarakat yang dibahagikan kepada berbagai bahasa, etnik, agama atau kumpulan-kumpulan bangsa. Ia juga adalah bersamaan dengan perkataan masyarakat berbilang budaya seperti yang terdapat di Amerika Syarikat dan Brazil pada hari ini.

Usaha pertama dilakukan oleh Furnivall (1948) semasa beliau membuat kajian di Indonesia dan Burma. Konsep masyarakat majmuk menurut perspektif Furnival, "Masyarakat Burma dan Jawa benar-benar merupakan satu kemajmukan kerana penduduknya bercampur tetapi tidak bergabung. Tiap-tiap kelompok berpegang kepada agama, idea dan cara hidup masing-masing. Sebagai individu mereka bertemu tetapi hanya di pasar dalam urusan jual beli. Di sini timbul masyarakat majmuk di mana dalam suatu unit politik yang sama tiap-tiap bahagian komuniti yang berbeza tinggal berdampingan tetapi berasingan. Malahan dalam bidang ekonomi terdapat pembahagian buruh mengikut garis ras."

Walaupun pada dasarnya wujud persefahaman dan kerjasama antara kaum-kaum tersebut, tetapi pada hakikatnya masing-masing menjalankan kehidupan secara berasingan dan mengamalkan pengendalian ekonomi yang berbeza. Menurut Furnivall lagi, kewujudan kelompok ini adalah kesan daripada dasar-dasar penjajah yang membawa masuk buruh-buruh asing mengikut keperluan ekonomi penjajah, akhirnya wujud percampuran antara kaum tetapi mereka ini tidak bergabung dan masing-masing mengamalkan cara hidup tersendiri. Manakala menurut Smith dalam kamus Oxford Sosiologi menerangkan masyarakat majmuk turut terbentuk hasil daripada kesan penjajahan yang membawa masuk berbagai budaya pada masyarakat yang dijajah. Perbincangan beliau adalah berkenaan masyarakat majmuk yang terdapat di kepulauan Caribbean dan Afrika Selatan.

Seterusnya menurut Saunders (1977), masyarakat majmuk adalah satu kelompok yang terdiri daripada pelbagai bangsa yang membentuk satu populasi di mana mereka hidup secara berasingan. Mereka ini terpisah bukan hanya daripada segi keturunan tetapi agama, bahasa, budaya, adat istiadat, makanan, pakaian serta pekerjaan dan tempat tinggal. Pada pandangan lain,

Rupert Emerson mengatakan masyarakat yang terdapat di Tanah Melayu terpisah hampir ke seluruh aspek kehidupan, hanya satu ciri kesamaan iaitu mereka tinggal dalam satu negara (Milne dan Mauzy, 1978).

Seperti Furnivall dan Smith, Goldthrope juga bersetuju kewujudan masyarakat majmuk adalah sejajar dengan dasar-dasar penjajah yang membawa masuk kaum-kaum luar ke Tanah Melayu. Menurut Goldthorpe (1984), di tempat-tempat bekas tanah jajahan terbentuk satu masyarakat yang dipanggil 'majmuk' yang mana mereka ini saling berhubung tetapi mengamalkan cara kehidupan yang berbeza daripada segi keturunan, agama, adat istiadat dan bahasa. Penjajah British membentuk kependudukan yang berbeza diantara tiga bangsa utama ini berteraskan peranan ekonomi yang mereka mainkan. Bangsa Melayu diletakkan di kawasan kampung dan di luar bandar bagi menjalankan aktiviti pertanian dan perikanan, manakala masyarakat Cina berada di kawasan bandar bagi melakukan aktiviti perniagaan dan melombong bijih timah dan seterusnya masyarakat India tinggal di kawasan estet-estet getah bagi menjalankan pekerjaan menoreh getah (Watson, 1996). Suasana ini secara langsung menjadi pemangkin kepada pembentukan masyarakat majmuk di tanah Melayu dahulunya dan hari ini di Malaysia. Maka ini jelas membuktikan masyarakat majmuk adalah warisan penjajah dan ia adalah perkara yang utama dalam pembentukan struktur sosial pada hari ini.

Daripada keterangan di atas dapat dirumuskan kewujudan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia adalah kesan peninggalan penjajahan Inggeris termasuk juga perpindahan penduduk yang berlaku. Uniknyanya di Malaysia daripada dahulu hingga ke hari ini, walaupun masyarakatnya hidup dalam suasana kemajmukan tetapi konsep perpaduan kaum dan setia kawan dapat terus diamalkan. Ini adalah satu budaya yang sihat hasil daripada daya usaha semua kaum yang mahukan keamanan dan kesejahteraan demi tanah air tercinta. Ini terbukti dengan slogan hari kemerdekaan Malaysia yang bertemakan 'Keramu Malaysia' yang mampu menguatkan lagi semangat cintakan negara dan sanggup berjuang hingga ke titisan darah terakhir demi menjaga maruah dan kedaulatan bumi Malaysia.

### *Pembentukan Masyarakat Majmuk Di Malaysia*

Penduduk Malaysia terdiri daripada masyarakat pelbagai bangsa dan etnik. Pada dasarnya penduduk asal negara ini adalah masyarakat bumiputera di Semenanjung seperti orang Melayu, Jakun, Semelai, manakala di Sabah dan Sarawak seperti Kadazan, Murut, Iban dan sebagainya. Selain daripada itu

wujud juga suku kaum lain seperti Indonesia, Cina dan India yang berpindah ke Malaysia. (INTAN, 1991) Hasil daripada proses interaksi dan asimilasi antara kaum-kaum ini maka wujudlah masyarakat majmuk di Malaysia. Ini bukan satu proses yang mudah dan singkat, ianya mengambil masa beratus-ratus tahun bagi mewujudkan konsep masyarakat majmuk seperti yang ada di Malaysia pada hari ini.

Perkembangan masyarakat majmuk di Malaysia dilihat daripada segi kemasukan buruh asing daripada negara China dan India oleh penjajah Inggeris serta perpindahan penduduk Indonesia. Ini bukan bermakna kemasukan bangsa-bangsa lain tidak penting, tetapi ketiga-tiga suku kaum di atas adalah mempunyai bilangan kemasukan yang ramai sehingga mempengaruhi komposisi penduduk di Malaysia.

Dengan kemasukan kaum-kaum ini, penduduk di Malaysia semakin bertambah dengan pesatnya. Menurut satu penilaian yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan atau Statistik pada tahun 1996, penduduk Malaysia berjumlah seramai 20.26 juta orang yang terdiri daripada 19.65 juta kaum bumiputera dan 907,000 bukan bumiputera. Daripada bilangan yang besar ini komposisinya adalah terdiri daripada 16.48 juta orang di semenanjung Malaysia, 2.16 juta orang di Sabah dan 1.92 juta orang di Sarawak. Daripada sudut perangkaan mengikut kaum, 59% atau 12.13 juta adalah golongan bumiputera, 26% atau 5.34 juta kaum Cina dan 8% atau 1.52 juta kaum India (<http://st-www.cs.uiuc.edu/users/chai/malaysia-stats.html>).

Adalah menjadi satu yang signifikan bagi mengetahui bagaimana terjadinya masyarakat majmuk di Malaysia. Pertama sekali, perhatian akan di berikan kepada kemasukan buruh asing daripada negara China dan India sebagai pemangkin kepada kegiatan ekonomi kapitalis barat di Tanah Melayu dan seterusnya akan membincangkan berkenaan perpindahan masyarakat Indonesia sebagai satu penghijrahan masyarakat antara kepulauan Melayu bagi memperbaiki taraf kehidupan mereka.

### Imigran Kaum Cina

Melaka pada suatu masa dahulu adalah jalan pengangkutan utama di Asia Tenggara ini yang menghubungkan antara negara China dan India dalam urusan perdagangan. Tidak dapat dinafikan telah lama wujud hubungan antara Tanah Melayu dengan masyarakat Cina. Seperti mana yang kita ketahui salah seorang daripada sultan Melaka pernah berkahwin dengan puteri maharaja China, puteri Hang Li Po. Ini jelas membuktikan proses

persefahaman antara kaum yang berbeza telah lama wujud. Begitulah juga terdapat perkahwinan yang berlainan bangsa di Melaka pada waktu itu.

Kemasukan Orang Cina beramai-ramai ini berlaku antara tahun 1870-1939. (Zainal Abidin (ed), 1992) Mereka ini terdiri daripada golongan buruh-buruh untuk bekerja di lombong-lombong bijih timah, pedagang dan lain-lain lagi. Pada mulanya mereka berhasrat mengumpulkan wang dan kembali ke negara asal mereka, walaupun begitu ada juga yang terus menetap di Tanah Melayu (Islam, dan Chowdhury, 1997).

Menurut Saunders (1977), kebanyakan mereka adalah berasal daripada bahagian selatan negara China seperti wilayah Kwangtung, Fukian dan Kwangsi. Ini adalah kerana kedudukan mereka yang sesuai di pinggir pantai serta kekuatan dalam ilmu pelayaran mereka berpindah ke Tanah Melayu. Segala kesengsaraan di negara China cuba dilupakan dan mahu mencuba nasib di Tanah Melayu.

Perkara ini bukannya berlaku begitu saja, terdapat beberapa faktor penolakan keluar masyarakat Cina dan faktor penarikan masuk ke Tanah Melayu. Keadaan di negara China yang sentiasa dihadapi dengan bencana alam yang hebat seperti banjir besar dan kemarau yang berpanjangan, maka ini mewujudkan masalah kebuluran dan penderitaan hidup yang sengsara (Zainal Abidin (ed), 1992). Aktiviti pertanian terjejas ini menambahkan lagi masalah pekerjaan dan kebuluran.

Selain daripada itu, negara China juga mengalami masalah perkembangan penduduk yang pesat. Penderitaan penduduk di negara China semakin meruncing kerana ketiadaan satu pemerintahan yang berkesan dan cekap bagi menyelesaikan masalah rakyat Cina. Pada waktu itu, negara China berada di bawah pimpinan Dinasti Manchu (1644-1911), Pada dasarnya orang Manchu ini bukan merupakan orang Cina asalnya. Semasa itu sering berlaku peperangan saudara dan pemberontakan seperti Pemberontakan Taiping (1850-1864) dan Pemberontakan Boxer (1899-1900), ini mengakibatkan berlakunya huru-hara dan ramai rakyat Cina menjadi korban. (Fuziah dan Ruslan, 2000)

Berdasarkan masalah bencana alam dan kelemahan sistem pemerintahan, ramai rakyat Cina berhijrah ke negara lain bagi meningkat taraf kehidupan mereka ke arah yang lebih baik dan terjamin. Ini juga diikuti dengan sistem

pemerintahan China yang menggalakkan penduduknya berpindah ke negara asing.

Manakala faktor penarikan rakyat Cina ke Tanah Melayu ialah, terdapat modal asing terutama sekali daripada orang-orang Inggeris bagi menjalankan perusahaan bijih timah dan getah di Tanah Melayu serta perkembangan ekonomi yang pesat. Keduanya adalah kerana keadaan ekonomi dan politik yang stabil di Tanah Melayu yang berjaya dipamerkan oleh pihak Inggeris.

Seterusnya adalah disebabkan oleh dasar Inggeris yang begitu menggalakkan kemasukan imigran Cina ke Tanah Melayu. Oleh kerana pengaruh positif oleh pihak Inggeris, maka imigran Cina datang beramai-ramai bagi mengambil peluang pekerjaan di lombong-lombong bijih timah serta ingin mengecap kehidupan yang lebih selesa dan aman di Tanah Melayu.

### Imigran Kaum India

Kedatangan kaum imigran India secara beramai-ramai ke tanah Melayu pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 adalah juga kesan sistem penjajahan Inggeris di Tanah Melayu. Kemasukan ini adalah sejajar dengan pembukaan ladang-ladang getah oleh Inggeris dan sebagai buruh-buruh kontrak di ladang-ladang tebu dan kopi di Tanah Melayu. Sebenarnya hubungan antara orang Melayu dan India telah lama wujud. Semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi mereka datang berdagang di Melaka. Semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka, kebanyakan daripada masyarakat India yang datang sebagai pedagang, mubaligh Islam dan ada juga yang terus menetap dan berkahwin dengan wanita-wanita tempatan .

Seterusnya pada zaman pemerintahan Inggeris, imigran kaum India ini dibawa masuk untuk bekerja di estet-estet getah. Ini adalah kerana buruh dari negara India amat mudah diperolehi dan pada masa yang sama terdapat pentadbiran Inggeris di India yang memudahkan urusan penghantaran masuk buruh dari India. Keduanya adalah kerana keadaan di India yang juga sering di landa bencana alam. Ini menyukarkan kehidupan petani.

Selain daripada masalah ekonomi, di India berlaku kekurangan makanan disebabkan oleh pertambahan penduduk yang semakin ramai. Kesulitan ini menjadi semakin rumit apabila penjajah Inggeris mengenakan cukai

tanah yang tinggi dan perkara ini menjadi penghalang kepada aktiviti pertanian mereka. Seterusnya mereka turut berhadapan dengan satu sistem sosial yang tidak sihat dan negatif. Bagi mereka yang berasal dari kasta yang rendah tidak akan dapat menikmati kehidupan yang baik dan selesa. Mereka sentiasa ditindas dan dihina oleh golongan yang berkasta tinggi iaitu golongan Brahmin. Atas sebab tekanan dan konflik dalam menjalani kehidupan, mereka mengambil keputusan berhijrah ke negara luar bagi memperbaiki taraf dan masa depan kehidupan mereka.

Pada masa itu Tanah Melayulah menjadi tempat penghijrahan mereka. Suasana keamanan dan keselesaan adalah faktor utama penghijrahan imigran India. Kedatangan mereka ini adalah sejajar dengan perkembangan perusahaan getah di Tanah Melayu. Mereka ini merupakan buruh asing yang di bawa masuk oleh Inggeris bagi menjalankan aktiviti-aktiviti pertanian di Tanah Melayu. Selain daripada itu, perkembangan revolusi industri di Eropah memerlukan ramai tenaga buruh bagi mengusahakan bahan-bahan mentah yang terdapat di kawasan-kawasan tropika. (Fuziah, 2000)

Dua cara utama kemasukan buruh India iaitu buruh kontrak, buruh kangany dan buruh bebas. Sistem ini diperkenalkan pada tahun 1820 dan ia adalah satu sistem di mana buruh-buruh yang diambil bekerja mestilah mengikat kontrak dengan majikan yang membiayai kos tambang mereka ke Tanah Melayu dan mereka ini diwajibkan bekerja dengan majikan itu untuk satu tempoh masa tertentu. (Fuziah, 2000) Sistem ini gagal kerana wujud penindasan terhadap buruh-buruh tersebut. Seterusnya diharamkan oleh penjajah Inggeris di India dalam tahun 1910. (Zainal Abidin (ed), 1992)

Ia diganti dengan Sistem Buruh Kontrak iaitu Sistem Kangany. Ini bermaksud terdapat seorang ketua/tandil/mandur dan biasanya seorang yang dipercayai oleh majikan dan bekerja sebagai penyelia pekerja di ladang. (Zainal Abidin (ed), 1992) Dia merupakan pengantara yang menjalankan urusan kemasukan buruh-buruh ini.

Satu tabung dilancarkan pada tahun 1907, satu tabung khas iaitu Undang-Undang Tabung Imigresen India bagi membiayai kos pengambilan buruh dari India. (Fuziah, 2000) Sistem ini juga gagal seperti Sistem Kangany. Akhirnya mereka masuk secara beramai-ramai semasa pemerintahan Inggeris.

## Penghijrahan Imigran dari Indonesia

Pada amnya, perpindahan penduduk Indonesia ke Tanah Melayu adalah satu bentuk penghijrahan yang berlaku di dalam alam Nusantara Melayu. Daripada segi geografi, Indonesia adalah jiran utama Tanah Melayu selain daripada Singapura dan Thailand. Di atas sebab kedudukan inilah, ramai penduduk Indonesia berpindah ke Tanah Melayu. Ada beberapa ahli sejarah mengatakan penghijrahan masyarakat Indonesia ini bermula sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi (Fuziah, 2000). Mereka ini terdiri daripada orang Minangkabau, orang Bugis dan orang Jawa. Tujuan mereka berhijrah ke tanah Melayu pada awal abad ke-19 adalah untuk bekerja sebagai orang gaji, kelasi kapal dan lain-lain lagi.

Seperti yang berlaku kepada pendatang-pendatang Cina dan India, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan perpindahan penduduk Indonesia ke Tanah Melayu. Salah satu faktor adalah kerana masalah kepadatan penduduk yang berlaku di Pulau Jawa. Pertumbuhan penduduk yang pesat mengakibatkan berlakunya kemiskinan, pengangguran dan kekurangan tanah bagi menjalankan aktiviti pertanian. Ini menyebabkan mereka sentiasa hidup dalam kesusahan dan keperitan. Ini ditambah lagi dengan corak pemerintahan Belanda yang menindas masyarakat tempatan seperti mereka mengenakan pelbagai jenis cukai yang membebankan kehidupan masyarakat Indonesia. (Fuziah, 2000) Kesan daripada ini, ramai penduduk Indonesia berhijrah ke Tanah Melayu bagi memperbaiki kehidupan dan memperbaiki taraf hidup mereka.

Terdapat juga beberapa faktor yang menjadi pemangkin kepada penghijrahan mereka ke Tanah Melayu. Pada pandangan mereka, Tanah Melayu ini bukan sahaja berjiran dengan Indonesia tetapi disebabkan wujudnya kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi yang baik. Tidak seperti pemerintahan Belanda, British membenarkan penduduk di Tanah Melayu bagi menjalankan kegiatan ekonomi tanpa mengamalkan penindasan. Kemasukan mereka ini juga didorong oleh perkembangan perusahaan bijih timah dan pembukaan ladang-ladang getah di Tanah Melayu yang menyediakan banyak peluang pekerjaan. Seperti imigran-imigran Cina dan India, orang-orang Indonesia ramai bekerja di kawasan perlombongan dan estet-estet getah.

Jika di lihat daripada sudut bilangan pendatang dari Indonesia, orang Jawa merupakan golongan terbesar diikuti dengan orang Minangkabau, Banjar, Boyan dan Bugis. Daripada segi penempatan, orang Minangkabau terdapat



ramai di Negeri Sembilan dan mereka ini menjalankan aktiviti pertanian dan perniagaan. Manakala orang Jawa, Banjar dan Bugis pula tinggal di kawasan pinggir sungai seperti di Johor, Selangor dan Perak. Mereka juga bekerja sebagai petani dan peniaga. Bilangan pendatang dari Indonesia semakin bertambah daripada setahun ke setahun. Pada tahun 1947, terdapat sejumlah 307 150 orang penduduk Indonesia di Tanah Melayu.

Daripada jumlah itu, penghijrah dari Indonesia ini juga memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia. Dalam banci yang diadakan pada tahun 1957, penghijrah dari Indonesia dimasukkan dalam bilangan penduduk Melayu yang menjadikan 49.8% daripada keseluruhan penduduk di Tanah Melayu. Ini jelas menunjukkan selain daripada imigran-imigran Cina dan India, penghijrahan penduduk dari Indonesia juga penting di dalam proses pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia.

## Kesimpulan

Pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia adalah berkait rapat dengan kemasukan buruh-buruh asing dari Cina dan India oleh penjajah British serta perpindahan penduduk Indonesia ke Tanah Melayu. Pada awalnya, imigran-imigran Cina dan India ini tidak dikategorikan sebagai penduduk tetap Tanah Melayu. Mereka masih kuat terikat dengan negara masing-masing. Di ketika itu, setiap kaum di Tanah Melayu mengamalkan sistem kehidupan yang tersendiri. Masing-masing mengamalkan bahasa, budaya, pakaian, tempat tinggal yang berbeza. Hal ini semakin ketara, apabila Inggeris mengamalkan dasar pecah dan perintah. Ini menyebabkan setiap kaum terpisah mengikut latar belakang ekonomi, sosial dan budaya.

Kemasukan buruh asing seperti dari negara China, India dan Indonesia yang ramai ke Tanah Melayu adalah disebabkan terdapat peluang-peluang pekerjaan yang luas serta keadaan politik yang stabil. Tidak dapat dinafikan dalam isu fenomena perpindahan masyarakat luar ke Tanah Melayu turut disebabkan oleh negara asal mereka yang tidak menjamin sebuah penghidupan yang sempurna tambahan pula keadaan geografi negara mereka yang sentiasa mengalami bencana alam. Pembentukan masyarakat yang berbilang bangsa di Malaysia pada hari ini adalah kesan langsung daripada sistem kolonial British yang mengimport masuk masyarakat luar yang menjadi pemangkin sistem ekonomi kapitalis mereka.

## *Bibliografi*

- Azmah Abdul Manaf.2001. *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication
- Furnivall, J.S.1948.*Colonial Policy and Practice*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Fuziah Shaffie dan Ruslan Zainuddin.2000. *Sejarah Malaysia*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Goldthorpe, J.E.1984. *The Sociology of the Third World: Disparity and Development*,2<sup>nd</sup> Ed. Cambridge: Cambridge University Press.
- INTAN.1991. *Malaysia Kita*. Institut Tadbiran Awam Malaysia: Kuala Lumpur.
- Islam, Y., Chowdhury, A.1997. *Asia Pacific Economies: A Survey*. London: Macmillan.
- 'Malaysian Population Numbers' dalam (<http://st-www.cs.uiuc.edu/users/chai/malaysia-stats.html>)
- Marshall, Gordan.(Ed).1998.*Oxford Dictionary of Sociology*.(2<sup>nd</sup>. Ed). Oxford: Oxford University Press.
- Milne, R.S., Mauzy, D.K.1978. *Politics and Government in Malaysia*. Singapore: Federal Publication.
- Saunders, G.1977. *The Development of a Plural Society in Malaya*. Kuala Lumpur: Longman Publication.
- Watson, C.W. 'Reconstructing Malay Identity' dalam *Antropology Today*, Oct96, Vol. 12 Issue 5, p10, 5p, 1 cartoon.
- Zainal Abidin Abdul Wahid.(ed).1992. *Malaysia: Warisan dan Perkembangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.